

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos untuk mengekalkan perkhidmatan tiga atau empat buah feri ikonik Pulau Pinang dan mengapa ia dibatalkan bertentangan dengan jaminan Menteri Kewangan di Parlimen pada Disember 2020 di Parlimen untuk meneruskan perkhidmatan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perkhidmatan feri sepenuh masa di Pulau Pinang yang telah bermula sejak dari tahun 1894 mempunyai sejarah yang mendalam dan telah melalui pelbagai fasa evolusi dari sebelum kemerdekaan negara sehingga hari ini.

Kini, operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang telah diambil alih semula oleh Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) bermula 1 Januari 2021 selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya bertarikh 18 Disember 2019.

Kos operasi termasuk penyelenggaraan feri bagi empat (4) buah feri ikonik tersebut adalah berjumlah RM2,373,548 sebulan. Kos ini sekiranya dihitung bagi tempoh setahun adalah berjumlah lebih daripada RM28 juta. Selain itu, PPSB juga perlu menanggung kos yang semakin meningkat yang merangkumi kos pekerja dan bahan api. Sehubungan dengan itu,

## **SOALAN NO : 76**

dengan mengambil kira faktor kos operasi yang tinggi serta kondisi feri-feri berkenaan, Kerajaan berpandangan bahawa perkhidmatan feri-feri sedia ada tersebut adalah tidak lagi efektif dan selamat untuk terus beroperasi bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang.

Namun begitu, bagi memastikan nilai ikonik feri-feri ini terus berada di perairan Pulau Pinang, pihak Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah memutuskan supaya feri-feri ini dipajakkan untuk dijadikan muzium terapung (Feri Pulau Pinang), restoran terapung (Feri Pulau Payar dan Feri Pulau Kapas) serta feri pelancongan (Feri Pulau Undan dan Feri Pulau Talang-Talang). Manakala, sebuah lagi feri iaitu Feri Pulau Angsa telah dihadiahkan oleh SPPP kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam hubungan ini, operasi perkhidmatan feri tidak ditamatkan sepertimana yang didakwa malahan ditambah baik dengan penggunaan perkhidmatan feri jenis baharu, iaitu ‘water bus’ dan ‘vehicle transporter’ yang bakal dilaksanakan bermula pertengahan tahun 2022 dan tidak timbul isu yang bertentangan dengan jaminan Menteri Kewangan di Parlimen. Dengan pengenalan perkhidmatan feri yang baharu, Pihak Berkuasa Pelabuhan iaitu SPPP dan juga operator pelabuhan iaitu PPSB telah merencana penaiktarafan fasiliti pelabuhan dan juga sistem operasi perkhidmatan feri dalam memastikan perkhidmatan feri tersebut kekal relevan dan memenuhi kehendak pengguna sedia ada.

Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan memberi jaminan bahawa operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang akan diteruskan tanpa sebarang halangan demi kesejahteraan rakyat Malaysia dan rakyat Pulau Pinang, secara khususnya.